



AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI

DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

TAHUN 16 BILANGAN 8 RABU 24 FEBRUARI 1971 1390 ذوالحجـة 28 رابـو PERCHUMA



Allahyarham Y.B. Pehin Datu Perdana Menteri Dato Seri Utama Awang Haji Ibrahim bin Mohd. Jafhar.

SPEAKER M.M. NEGERI MENINGGAL DUNIA

BANDAR SERI BEGAWAN. — Speaker Majlis Mashuarat Negeri Brunei, Yang Berhormat Pehin Datu Perdana Menteri Dato Seri Utama Awang Haji Ibrahim bin Mohd. Jafhar telah meninggal dunia di-rumah sakit besar pada awal pagi hari Jumaat lepas. Allahyarham berumur 71 tahun.

Jenazah Allahyarham Pehin Datu Perdana Menteri telah di-kebumikan pada sa-belah tengah hari-nya di-tanah perkuboran Islam di-Jalan Residency.

Allahyarham Pehin Dato Haji Ibrahim ia-lah Menteri Besar yang pertama dalam tahun 1959.

Sa-lepas bersara dari jawatan Menteri Besar, Allahyarham telah di-lantek menjadi Speaker Majlis Mashuarat Negeri Brunei dalam tahun 1963.

Riwayat lengkap Allahyarham Yang Berhormat Pehin Datu Perdana Menteri Dato Seri Utama Awang Haji Ibrahim di-siarkan di-muka 4 dan 5.

AHLI2 M.M.N. YANG BARU

BANDAR SERI BEGAWAN. — Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei telah berkenan melantek 21 orang menjadi Ahli Majlis Mashuarat Negeri yang baru.


Ahli yang baru itu mengandungi enam orang ahli kerana jawatan, lima orang ahli rasmi kerajaan dan 10 orang yang di-lantek.

Nama2 21 orang ahli yang baru di-lantek itu telah disiarkan dalam Warta Kerjaan yang di-keluarkan pada 6 Februari, 1971.

Mereka ini ada-lah mengantikan ahli2 majlis mashuarat yang lama yang telah dibubarkan oleh Duli Yang Maha Mulia dalam bulan April tahun lepas, sa-telah tamat tempoh perkhidmatan mereka sa-lama lima tahun.

Enam orang Ahli Kerana Jawatan ada-lah seperti berikut:

(Lihat Muka 8)



GAMBAR atas menunjukkan Tuan Hakim Armstrong Huggins ketika memerlakukan barisan kehormatan yang terdiri daripada anggota Polis Di-Raja Brunei sa-jurus sa-belum memulakan pembicaraan di-Mahkamah Bandar Seri Begawan.

Upacara perbarisan tersebut telah di-adakan di-hadapan bangunan Pejabat Setia Usaha Kerajaan di-Bandar Seri Begawan pada hari Isnin lepas, dan telah di-hadiri oleh ketua2 jabatan dan pegawai2 dari Jabatan Kehakiman.

Tuan Hakim Armstrong Huggins telah tiba di-Brunei pada hari Khamis dan sa-lama berada di-sini, beliau akan mendengar perkara2 rayuan di-mahkamah di-Brunei.

Kapal2 ronda utk. pasukan laut AMDB

MUARA. — Dua buah kapal ronda yang di-buat di-Singapura untuk pasukan Askar Melayu Di-Raja Brunei telah tiba di-Muara pada minggu lalu.

Kapal2 tersebut K.D. Saleha, mengambil sempena nama Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri dan K.D. Masna, mengambil sempena nama adinda D.Y. M.M. Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Puteri Masna.

Ketibaan kapal2 ronda di-pengkalan laut pertama AMDB di-Muara pada hari Rabu itu telah di-sambut oleh Pemerintah Askar Melayu Di-

(Lihat Muka 8)



Kapal ronda K. D. Saleha ketika tiba di-perayaan Muara,



15 orang jema'ah selamat pulang

BANDAR SERI BEGAWAN.— Sa-ramai 15 orang jema'ah haji Brunei telah selamat pulang ka-tanah ayer dalam satu penerbangan melalui Kota Kinabalu.

Turut pulang bersama2 rombongan itu termasuk-lah sa-orang Pegawai Kebajikan Haji, Awang Haji Mohamed Hussain bin Zainal.


Sa-ramai 98 orang lagi dari Jema'ah Haji itu akan tiba di-Brunei pada 27 Februari ini dalam tiga penerbangan. Penerbangan pertama sa-ramai 44 orang akan tiba pada jam 8.45 pagi, penerbangan kedua sa-ramai 44 orang tiba pada jam 4.45 petang melalui Singapura dan penerbangan ketiga sa-ramai 10 orang akan tiba pada jam 5.05 petang melalui Kuching.

Seumua Jema'ah Haji yang akan tiba itu ia-lah dari kumpulan yang bertolak ka-Mekah pada 9 Januari lalu:

Sa-ramai 87 orang lagi akan tiba di-Brunei pada 28 Februari ini dalam dua penerbangan melalui Singapura. Penerbangan pertama sa-ramai 43 orang akan tiba di-Brunei pada jam 8.45 pagi dan penerbangan kedua sa-ramai 44 orang akan tiba pada jam 4.45 petang. Seumua Jema'ah Haji itu dari kumpulan yang telah bertolak ka-Mekah pada 10 Januari.



(Gambar2 yang tersiar di-muka ini diambil ketika jemaah2 haji itu tiba di-lapangan terbang Berakas.)



Pertandingan membacha Quran

BANDAR SERI BEGAWAN.— Persatuan Ikatan Setia Pahlawan - INSAP akan mengadakan pertandingan membacha Al-Quran pada 27 Februari ini.

Pertandingan tersebut di-bahagikan kepada dua bahagian — pertandingan bagi penduduk2 Kampong Setia Pahlawan akan di-mulakan pada jam 1.30 petang dan bagi peserta dari persatuan2 belia/badan2 kebaikan di-Daerah Brunei-Muara akan di-mulakan pada 7.30 malam.

Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama, Y.B. Pehin Orang Kaya Ratna Di-Raja Dato Utama Awg. Haji Mohd. Zain akan merasmikan pertandingan tersebut.

Antara achara yang akan di-adakan pada malam itu tersemak-lah sharaham khas dan persembahan nashid.

PELUANG MEMASOKI PELAJARAN DEWASA MASEH TERBUKA

BANDAR SERI BEGAWAN.— Bahagian Pelajaran Dewasa Jabatan Pelajaran telah menyeru kapada sesiapa saja yang ingin memasuki berbagai pelajaran dewasa di-semua sekolah2 di-negeri ini.

Sa-orang juruchakap Bahagian Pelajaran Dewasa berkata mereka yang ingin memasuki sa-barang pelajaran dewasa boleh-lah mendapatkan borang2 kapada Penyelia Kelas2 Dewasa atau kapada Guru2 Besar di-semua daerah di-negeri ini.

Di-antara pelajaran2 yang di-ajarkan pada masa ini termasok-lah pelajaran membertantas buta huruf, pelajaran

bahasa Melayu bagi orang2 yang bukan Melayu, bahasa Inggeris, Jepun, Perancis, Hindi dan China.

Pelajaran2 lain ia-lah urusan rumah tangga, Trengkas, Menaip dan buku menyimpan kira2 dalam aliran Melayu dan Inggeris.

Pelajaran2 bagi mereka yang ingin mengambil Sijil Rendah Pelajaran, Sijil Pelajaran Malaysia dan Sijil Tinggi Persekolahan dalam aliran Melayu dan Inggeris juga telah di-adakan.

Mereka yang ingin memasuki pelajaran2 itu boleh-lah mendaftar dari sekarang.

Wakil bahath Daerah Tutong

PEKAN TUTONG.— Sekolah Menengah Melayu Muda Hashim telah mengalahkan Sekolah Persediaan Inggeris Tutong dalam peraduan akhir berbahath bagi Daerah Tutong yang telah di-adakan di-Masjid Hassanal Bolkiah di-Pekan Tutong pada hari Juma'at lepas.

Peraduan itu, telah di-rasmiakan oleh Pegawai Daerah Tutong Pengiran Othman bin Pengiran Anak Mohammad Salleh, yang juga menyampaikan hadiah2.

Sekolah Menengah Melayu Muda Hashim akan mewakili daerah itu di-peraduan akhir seluroh negeri, yang akan di-adakan di-Lagoon Masjid Omar Ali Saifuddin di-Bandar Seri Begawan pada 26 Februari ini.

DALAM Khutbah Jumaat yang lalu kita telah menyentoh berhubong dengan kejadian2 churi kereta yang berlaku di-negara kita dan dalam surat khabar *Straits Times* keluaran hari Khamis yang lalu, 11 haribulan Februari, 1971, kita terbaca pula satu berita berhubong dengan bertambahnya kejadian2 persetubuhan haram yang berlaku di-negara kita, di mana dalam berita tersebut sepanjang tahun 1970 yang lalu telah terdapat 74 kejadian demikian berlaku berbanding dengan 33 kejadian dalam tahun 1968. Pada umumnya kejadian2 tersebut sa-bagaimana kejadian churi kereta ada-lah juga kebanyakannya dilakukan oleh anak2 muda kita.

Ada-lah wajar bagi kita bertanya balek kapada diri kita masing2 adakah kita rela kejadian2 tersebut terus berlaku dan bertambah dari semasa ka-semasa? Bagi orang yang tahu membuat pertimbangan yang saksama, kita tidak fikir ada orang yang rela supaya kejadian2 jenayah itu terus berlaku dan bertambah dari masa ka-semasa, kerana kalau ada orang yang menyukongnya berarti orang itu sendiri dapat di-anggap sa-bagai orang yang gemar kapada perbuatan2 jahat berlaku terus menerus di-negara-nya sendiri. Apa yang penting bagi kita yang sedar akan bahaya2 yang di-timbulkan daripada kejadian2 tersebut ia-lah membenteras sa-chara *positive* dan *negative*.

Chara positive, hendak-lah sa-tiap anggota masyarakat sentiasa waspada supaya diri masing2 tidak terlibat atau melibatkan diri dalam perkara2 kejahanan, seperti churi dan zena itu. Begitu juga ibu bapa atau penjaga2 hendak-lah sentiasa memberi pengawasan dan bimbangan yang tegas dan bijaksana terhadap anak2 dan orang2 yang di-bawah jagaan mereka.

Sambutan awal Muharram

TEMBURONG. — Umat Islam di-Daerah Temburong pada malam Sabtu lalu telah menyambut awal Muharram di-bangunan sementara, Sekolah Melayu Sultan Hassan, di-Pekan Bangar.

Majlis sambutan tersebut telah di-penuhi dengan berbagai persembahan berchorak ugama seperti membacha sajak, hadhrat dan marhaban.

Pegawai Daerah Temburong, Awang Salleh bin Hidup telah hadhir dalam majlis tersebut.

Timbalan Kadhi Besar Brunei, Awang Abdul Hamid bin Bakal telah memberikan cheramah khas, di-majlis sambutan itu.

MEMBENTERAS KEJADIAN

MAKSIAAT

KHUTBAH JUMA'AT

Kejadian persetubuhan haram

telah meningkat kapada 74 kejadian sepanjang tahun 1970 berbanding dengan 33 kejadian dalam tahun 1968

Sedangkan chara negative antara lain hendak-lah di-perluaskan lagi pendidekan dan ajaran2 ugama Islam di-kalangan anak2 dan anak2 muda kita serta sa-tiap anggota masyarakat berusaha menunjukkan chuntoh2 dan tauladan yang baik di-kalangan masyarakat, terutama oleh mereka2 yang dapat di-anggap sa-bagai sa-orang pemimpin dalam masyarakat.

Di-samping itu ibu bapa dan penjaga2 ada-lah mempunyai peranan dan tanggong-jawab yang besar dalam hal ini, sa-bab Allah Subhanahu-wataala telah menegaskan dalam satu firman-nya yang bermaksud:

Lagi sa-orang jema'ah haji meninggal dunia

BANDAR SERI BEGAWAN. — Sa-orang lagi jema'ah Haji Brunei, Awang Haji Burut bin Mumun telah meninggal dunia di-Mekah.

Allahyarham Awang Haji Burut, berumur 80 tahun, dari Kampong Penapar, Tutong telah meninggal dunia pada 8 Februari.

Dengan ini sa-ramai empat orang jema'ah Haji Brunei telah meninggal dunia. Dua orang telah berangkat menuaikan fardhu Haji dengan kapal laut dan dua orang lagi dengan kapal terbang.

"Ajar-lah diri kamu sendiri dan ahli keluarga kamu dengan perkara2 kebaikan dan didek-lah mereka dengan adab perangai yang baik".

Ibnu Abas pula pernah berkata yang bermaksud:

"Bekerja-lah kamu pada menta'ati Allah. Jauhi-lah segala maksiat, dan suruhlah anak2 kamu mengikuti segala surohan2 Allah dan menjauhi segala larangan-nya, maka itu-lah yang boleh menyelamatkan diri kamu dan diri mereka dari pada api neraka".

Wahai orang2 yang beriman, selamatkan-lah diri kamu dan ahli keluarga kamu daripada api neraka yang kayu api-nya terdiri dari pada manusia dan batu".

Dengan firman ini jelasnya bahwa ibu bapa dan penjaga2 itu bertanggong-jawab bagi menyelamatkan diri-nya dan ahli keluarga-nya daripada seksaan azab Allah di-akhiran. Kehuiaan menjaga dan memberi bimbingan terhadap anak2, berarti ibu bapa ada-lah juga akan bertanggong-jawab di-hadapan Allah terhadap dosa2 dan kejahanan yang di-lakukan oleh anak2 mereka.

Saidina Ali bin Abu Talib r.a. di-dalam menghuraikan maksud firman Allah itu telah berkata:

Oleh yang demikian, ada-lah di-serukan supaya kaum muslimin sekalian khas-nya ibu bapa di-negeri ini mengawasi betul2 serta memberi bimbingan yang tegas terhadap anak2 mereka supaya jangan sampai mereka itu menyimpang dari pada pengajaran2 ugama serta tergamak menjatohkan maruah mereka serta maruah Ugama Islam. Tuan2 patut-lah ingat bahawa dengan hanya berpada menghantar dan menyerahkan anak2 masing2 kapada pehak sekolah belum-lah chukup bagi melepaskan tanggong jawab tersebut, kerana masa anak2 itu berada di-sekolah ada-lah terbatas, sedangkan semasa ia-nya berada di-rumah atau berada di-luar sekolah lebih banyak bergantung atas pengawasan.

Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit

Waktu2 sembahyang, imsak dari matahari terbit bagi Daerah2 Brunei/Muara, Tutong dan Temburong mulai hari Rabu 24 Feb. 1971 hingga ka-hari Selasa 2 Mach, 1971 ada-lah saperti di-bawah ini:—

Hari	Bulan	Dzohor	Asar	Magrib	Isha	Imsak	Suboh	Matahari Terbit
24 Feb.		12-39	3-59	6-38	7-49	5-04	5-18	6-33
25 Feb.		12-39	3-59	6-38	7-49	5-04	5-18	6-33
26 Feb.		12-38	3-58	6-38	7-48	5-03	5-17	6-32
27 Feb.		12-38	3-58	6-38	7-48	5-03	5-17	6-32
28 Feb.		12-38	3-58	6-38	7-48	5-03	5-17	6-32
1 Mach		12-38	3-57	6-38	7-49	5-01	5-16	6-31
2 Mach		12-38	3-57	6-38	7-49	5-01	5-16	6-31

Waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembahyang Juma'at di-seluruh Negeri Brunei di-mulai pada pukol 12-45 tengah hari.

24hb. Februari, 1971.

TA'ZIAH

PADA 23 Zul-Hijjah, 1390 bersamaan dengan 19hb. Februari, 1971 — hari Jumaat, Brunei telah dengan kehendak Allah menerima berita sedih atas kepulangan keramatullahi-ta'alai Allahyarham Yang Berhormat Pehin Datu Perdana Menteri, Dato Seri Utama Awang Haji Ibrahim bin Mohamad Jahfar, Speaker Majlis Mashuarat Negeri Brunei.

Kepulangan Allahyarham menyahut panggilan Allah yang maha berkuasa itu merupakan kehilangan sa-satu yang berharga bagi Brunei — kehilangan sa-orang yang tidak jemu2 menyumbangkan khidmatnya kepada negara dan bangsa Brunei.

Allahyarham berkhidmat dari satu jawatan kapada satu jawatan hingga-lah kapada yang sattinggi2-nya sa-hingga menghembuskan nafas yang terakhir pada peringkat umur 71 tahun dalam jawatan sa-bagai Speaker Majlis Mashuarat Negeri.

Allahyarham ada-lah orang yang pertama membuka lembaran pentadbiran dari kehendak Perlembagaan Negeri Brunei tahun 1959 yang pada ketika di-kuatkuasakan perlembagaan itu Allahyarham di-serahkan jawatan sa-bagai Menteri Besar ia-itu kepala pentadbiran dalam sejarah pertama Brunei berkerajaan sendiri.

Untuk memperjuangkan perlembagaan itu di-meja perundingan dengan Kerajaan British di-London, Allahyarham ia-lah salah sa-orang yang menyertai rombongan Brunei yang di-keputus oleh Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan yang sekarang bergelar Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan, Sir Muda Omar Ali Saifuddin.

Sabelum memegang jawatan Menteri Besar, Allahyarham telah menjawat tugas sa-bagai Setia Usaha Sulit kapada Duli Yang Maha Mulia yang dalam waktu melaksanakan tugas itu Allahyarham tidak ketinggalan dari menyertai rombongan2 Baginda keluar negeri, termasuk mengiringkan Baginda menunaikan fardhu Haji ke-Mekah dalam tahun 1951.

Di-sepanjang hayat Allahyarham terdapat salah satu perkhidmatan yang tidak senang untuk di-lupakan di-mana beliau dengan bijaksana telah memainkan peranan penting dalam dua masa pemerintahan ia-itu pemerintahan Jepun dan British ketika meletusnya perang pesifik, dari di-ranapkan oleh kedua2 bangsa yang bermusuhan itu. Waktu Jepun berkuasa, Allahyarham berjawatan sa-bagai Setia Usaha Kerajaan dan mengetahui taktik Jepun untuk memusnahkan Brunei dari di-serahkan kapada British. Beliau telah menyelamatkan fail2 yang berisi dokumen2 penting yang tinggi nilai harga-nya dari menjadi korban bakaran Jepun yang sudah semakin terde saràk waktu itu. Sa-lain dari itu, beliau telah banyak memberikan perlindungan kapada orang2 yang di-yakini-nya tidak berdosa dari menjadi korban pedang Jepun.

Dalam sepanjang tugas menjadi Dato Speaker, Allahyarham di-hormati oleh ahli2 majlis (lihat muka 5)

SA-CHEBIS DARI JASA**ALLAHYARHAM Y.B. PEHIN****DATU PERDANA MENTERI,****DATO SERI UTAMA AWG. HAJI****IBRAHIM BIN MOHD. JAHFAR****KAPADA BANGSA DAN****NEGERI BRUNEI**

AWAL pagi hari Juma'at, 23 Zul-Hijjah, 1390 bersamaan dengan 19 Februari, 1971, Negeri Brunei Darussalam telah dengan kehendak Allah kehilangan sa-orang ra'ayat yang amat berjasa.

Beliau ia-lah Allahyarham Yang Berhormat Pehin Datu Perdana Menteri Dato Seri Utama Awang Haji Ibrahim bin Mohamad Jahfar, Speaker Majlis Mashuarat Negeri Brunei, berumur 71 tahun.

Allahyarham meninggalkan sa-orang balu dan tiga orang anak lelaki. Ketiga2 anak Allahyarham itu ia-lah Yang Di-Muliakan Pehin Orang Kaya Pengawa Laila Bentara Di-Raja, Ketua Pegawai Protokol, Dato Utama Awang Haji Abbas Al-Sufri; Awang Adinin; dan, Timbalan Menteri Besar, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Di-Raja, Dato Utama Awang Isa.

Bagi orang2 yang berdam-ping rapat dengan Allahyarham, sama ada sa-waktu muda, mahu pun sa-telah menjadi orang besar bagi Negeri Brunei, Allahyarham ada-lah terkenal dengan ketegohan si-kap yang pantang surut dari apa yang di-luahkan-nya dan di-lakukan-nya sekali pun dikatakan orang membahayakan diri-nya sendiri. Kerana itu Allahyarham di-sifatkan oleh rakan dan teman-nya sa-bagai manusia yang chukup tegas dalam tindak-tandok hidup. Keistimewaan pada sikap ketegasan Allahyarham ini adalah semata2 untuk kebaikan dan kesejahteraan baik kapada orang perseorangan, raayat, bangsa dan ugama serta Negara Brunei yang ta'at setia-nya di-tumpahkan sa-penoh2-nya.


Beliau lahir di-Labuan pada 17hb. September, 1900. Mungkin sudah menjadi kehendak Allah hati beliau terpikat ka-bada Brunei sa-telah menjelaskan kaki-nya di-bumi negeri ini dan mengabadikan teknik jitu di-sanubari beliau untuk menumpahkan khidmat dan mengabdi diri bagi kepentingan Brunei. Kerana itu, be-

liau tidak hanya menganggap Negeri Brunei sa-bagai negara tempat menchurahkan tenaganya, tetapi juga dengan penoh yakin bahawa bumi Brunei-lah tempat-nya di-kebumikan. Allahyarham selamat di-kebumikan pada tengah hari Jumaat di-Perkuboran Dagang, Jalan Residency, Bandar Seri Begawan.

Antara yang menghadiri jenazah Allahyarham untuk memberikan penghormatan yang terakhir di-rumah kediaman-nya di-Kilanas pada pagi hari Jumaat itu termasuklah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan, Tuan Yang Terutama Pesuroh-jaya Tinggi British Awang A.R. Adair, Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli2 Wazir, Menteri Besar, Yang Amat Mulia Pengiran Setia Negara Pengiran Haji Mohamed Yusuf bin Pengiran Haji Abdul Rahim, Yang Amat Mulia Cheteria2, Pengiran2, Pehin2 dan ketua2 Jabatan Kerajaan.

Dalam sa-panjang hayanya, Allahyarham sa-hingga-lah menghembuskan nafas yang terakhir telah tidak mungkir dari membuktikan khidmatnya terhadap Kerajaan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dari jawatan sa-rendah2-nya hingga-lah Allahyarham di-lantek menjadi Menteri Besar, dan selepas itu Speaker Majlis Mashuarat Negeri.

Dalam masa Brunei di-bawah pemerintahan Jepun (1941-1945) Allahyarham per-



Allahyarham Y.B. Pehin Datu Perdana Menteri Dato Seri Utama Awang Haji Ibrahim.

nah memegang jawatan sa-bagai Setia Usaha Kerajaan ia-itu jawatan yang terpenting di-pe-gang oleh pegawai2 tempatan waktu itu. Ada beberapa kelebihan yang menyebabkan Allahyarham di-lantek untuk memegang jawatan itu. Di-an-tara-nya ia-lah dari pengalaman-nya dalam pentadbiran dan pengetahuan-nya terhadap keadaan Negeri Brunei waktu itu Beliau dalam masa pemerintahan Jepun telah di-kurniakan dengan Bintang Ke-besaran Jepun Darjah Ketiga (The Order of the Rising Sun, Third Class).

Sa-lepas perang ia-itu dalam tahun 1946, Allahyarham telah di-kurniakan Bintang Order of the British Empire, sa-bagai penghargaan Kerajaan British terhadap jasa2 beliau yang antara-nya telah menyela-matkan beberapa dokumen2 penting dari menjadi korban api peperangan yang di-chetus-kan oleh Jepun.

Dalam tahun 1959 Duli Yang Maha Mulia Baginda Queen telah mengurniakan Bintang C.B.E. kapada Allah-yarham.

Kerana jasa dan perkhidmatan ta'at setia-nya kapada Negara dan Raja, Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan (sekarang D.Y.T.M. Paduka Seri Begawan Sultan) telah mengurniakan bintang2 kebesaran negara saperti D.K. (Darjah Kerabat — Darjah Pertama), S.P.M.B. (Dar-

(Lihat Muka 5)

(dari muka 4)


jah Seri Paduka Mahkota Brunei — Darjah Pertama), D.S.N.B. (Darjah Setia Negara Brunei — Darjah Kedua), Pingat Omar Ali Saifuddin dan Pingat Jasa Kebaktian.

Sa-belum dan sa-lepas perang juga, Alllahyarham telah memegang jawatan Setia Usaha kapada British Resident dan sa-lama memegang jawatan tersebut, beliau telah melaksanakan sebahagian besar tugas2 pentadbiran. Beliau juga mengambil peranan penting dalam perhubungan antara British Resident dan Duli Yang Maha Mulia Al-Marhum Sultan Ahmad Tajuddin yang bukan hanya menjadi jurubahasa tetapi juga menerangkan keadaan pentadbiran pada waktu itu.

Alllahyarham bersara dari memegang jawatan kerajaan dalam tahun 1949, tetapi berkhidmat semula dalam tahun 1951 sa-bagi Setia Usaha Sulit kapada Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan (sekarang Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Bagawan Sultan, Sir Muda Omar Ali Saifuddin).

Dalam tahun 1951 juga Alllahyarham telah menunaikan fardhu Haji ka-Mekah ketika mengiringi Baginda dan rombongan Di-Raja menunaikan rukun Islam yang kelima itu. Dalam tahun itu juga Alllahyarham telah di-anugerahkan gelaran Pehin Datu Perdana Menteri Anugerah ini telah memberikan kepada Alllahyarham kedudukan pertama antara pehini2 dan menteri yang di-lantek oleh Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan (sekarang D.Y.T.M. Paduka Seri Begawan Sultan).

Berikut dengan pengishtihan Perlembagaan Negeri Brunei pada 29 September,



Alllahyarham Y.B. Pehin Datu Perdana Menteri Dato Seri Utama Awang Haji Ibrahim ketika memegang jawatan sa-bagi Menteri Besar yang pertama kali tan menyembahkan uchapan keshukuran bagi menyambut Hari Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sutan (sekarang D.Y.T.M. Paduka Seri Begawan Sultan).

Di-anugerahkan

1959, Alllahyarham telah dilantek menjadi Menteri Besar Brunei yang pertama dan Ahli Majlis Mashuarat Di-Raja.

Alllahyarham Pehin Datu Perdana Menteri ia-lah sa-orang daripada ahli2 rombongan Duli Yang Maha Mulia dalam perundingan perlumbagan Negeri Brunei di-London pada awal tahun 1959.

Alllahyarham bersara dari jawatan Menteri Besar dalam tahun 1962, tetapi berkhidmat semula dalam tahun 1963 dengan memegang jawatan sa-bagi Yang Berhormat Speaker Majlis Mashuarat Negeri sa-hingga-lah ka-sa'at Alllahyarham menyahut panggilan Illahi, pada 23 Zul-Hijjah, 1390 bersamaan dengan 19 Februari, 1971 — hari Jumaat, hari

Bintang2 Kebesaran Negeri Brunei

yang mulia.

Lain2 jawatan yang di-pegang oleh Alllahyarham dalam masa hayatnya antara lain ia-lah Pegawai Daerah Brunei dan Muara, Magistrate, Pemungut Hasil Tanah, Pengurus Jawatankuasa Perkhidmatan Awam.

Alllahyarham pernah menjadi wakil Sharikat Minyak Shell Berhad di-Bandar Brunei (Bandar Seri Begawan sekarang), dan Pengurusi Bank Kebangsaan sejak bank itu ditubuhkan.

Demikian serba-sedikit dari nukilan lengkap atas jasa2 Alllahyarham terhadap negara dan bangsa Brunei.

Semoga Allah menchuchuri rahmat ka-atas rohnya dan

menempatkan-nya di-antara orang2 yang di-redhai-Nya. Amin.

(dari muka 4)

atas kebijaksanannya dalam mengawasi suasana persidangan sa-hingga menjadikan persidangan2 itu berjalan dalam suasana persaudaraan yang amat mesra. Alllahyarham juga di-hormati sa-bagi orang yang mempunyai ketenangan berfikir sa-hingga sa-suatu keputusan yang di-buatnya di-sambut dengan kemesraan.

Dari sini ternyata bahawa Alllahyarham telah melaksanakan tugas2 dengan perasaan yang jujur, amanah dan ikhlas serta bertimbang-rasa. Moga2 sa-chebis dari khidmat beliau akan menjadi panduan kepada jenerasi2 yang ada sekarang dan akan datang. Moga2 Allah menchuchuri rahmat ka-atas rohnya.

SOAS menang peraduan bahath

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pasukan Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin telah mengalahkan Persatuan Ikatan Kampong Lorong Sakuna — IKLAS — dalam pertandingan berbahath perengkat akhir bagi Daerah Brunei/Muara yang telah berlangsung di-Dewan Sekolah Menengah Arab Raja Isteri Anak Damit di-Bandar Seri Begawan pada hari Ahad lepas.

Pasukan Maktab SOAS akan mewakili Daerah Brunei/Muara di-pertandingan akhir seluruh negeri yang akan di-adakan di-Lagoon Mesjid Omar Ali Saifuddin di-Bandar Seri Begawan pada 26 Februari ini.

Sa-banyak 12 pasukan dari Maktab2, sekolah2 dan persatuan2 belia di-Daerah Brunei.

nei/Muara telah mengambil bahagian dalam pertandingan itu.

Pertandingan itu ada-lah di-anjorkan oleh Bahagian Penyebrangan Jabatan Hal Ehwal Ugama kerana menyambut Awal Muharram.

Nadzir sekolah2 ugama di-Daerah Brunei/Muara, Awang Abdul Hamid bin Mohamed Daud telah menyampaikan hadiah2 kepada pemenang2.

Sementara itu, Daerah Temburong akan di-wakili di-pertandingan akhir seluruh negeri oleh tiga orang belia dari Persatuan Belia Kampong Menengah di-Pekan Bangar.

Mereka itu ia-lah Awangku Mohamad bin Pengiran Haji Abdul Rahmat, Awangku Razak bin Pengiran Abdul Rahmat dan Awang Mohiddin bin Mustapha.



Alllahyarham Y.B. Pehin Datu Perdana Menteri Dato Seri Utama Awang Haji Ibrahim ketika hadir di-upacara pengishtihan Perlembagaan 1959 yang telah berlangsung pada 29 September. Di-sebelah kanan ia-lah Yang Di-Muliakan Pehin Orang Kaya Dato Patinggi Maha Kornia Di-Raja Dato Utama Sir Dennis Charles White, Pesurohjaya Tinggi British yang pertama di-Brunei ketika itu.

PEMBENAAN balai pulis di-Sungai Liang telah di-mulakan awal bulan lepas (gambar kanan).

Balai pulis tersebut di-bina berdekatan dengan klinik Sungai Liang dan ia-nya mengandungi barker2 bagi anggota yang akan ditugaskan di-situ.

Apabila siap nanti balai pulis tersebut akan memberikan perkhidmatan kapada pendudok2 di-sekitar kampung Sungai Liang.



Keputusan lumba rentas desa Daerah Tutong

DAERAH TUTONG. — Perlawanan Rentas Desa bagi sekolah2 rendah bahagian Tutong Satu dan Tutong Dua telah di-adakan baru2 ini di-Sekolah Melayu Muda Hashim Tutong.

Berikut ini ia-lah keputusan2 perlawanan itu. Kejohanan Berpasukan bagi Sekolah2 Rendah Tutong Satu kumpulan lelaki 'A' pertama di-menangi oleh S.M. Sinaut, kedua S.M. Birau, Kumpulan lelaki 'B' pertama S.M. Lamunin, kedua S.M. Sinaut. Bahagian perempuan pertama S.M. Lamunin, dan kedua S.M. Sinaut.

Kejohanan perseorangan bagi lelaki 'A' pertama, Zuanti bin Bungsu (Birau); kedua, Saneh bin Musa (Sinaut); dan ketiga Shuing Alek (Lamunin). Lelaki 'B' pertama, Kuan Kim Tai (Sinaut); kedua Murni bin Musa (Birau); dan ketiga, Sikun bin Baya (Lamunin). Bahagian perempuan pertama, Miri bte. Musa (Sinaut); kedua Kamar bte. Musa (Sinaut); dan ketiga, Siti Jauyah bte. Damit (Ku-pang).

Kejohanan Berpasukan bagi Tutong Dua kumpulan lelaki 'A' pertama, S.M. Kg. Bukit; kedua, S.M. Rambai; ketiga, S.M. Telisai. Kumpulan lelaki 'B' pertama, S.M. Layong dan kedua, S.M. Abdul Rashid Tg. Maya. Bahagian perempuan pertama, S.M. Kg. Bukit; kedua, S.M. Bukit Udal; dan ketiga, S.M. Abdul Rashid Tanjong Maya.

Kejohanan perseorangan lelaki 'A' pertama, Tanam bin Ramai (Kg. Bukit); kedua, Yasin bin Amat (Kg. Bukit); ketiga, Abu Bakar bin Othman (T. Telisai). Kumpulan lelaki 'B' pertama Sulaiman bin Yunos (Layong); kedua, On See Yee (Bt. Udal); ketiga, Md. Nasir bin Abd. Manaf (SMAR).

Kejohanan perseorangan perempuan pertama, Umboi bte. Sapik Bt. Udal; kedua, Dulang bte. Garif (Kg. Bukit); dan ketiga, Norani bte. Mikot (Kg. Bukit).

Temasha unggun api

SERIA. — Pengakap2 dan pandu2 puteri di-Daerah Belait pada hari Ahad lepas telah merayakan hari lahir pengasas Pergerakan Pengakap, Lord Baden Powell dari Gilwell dan Ketua Pandu Puteri Sa-Dunia, Lady Baden Powell dengan mengadakan satu temasha unggun api bersama.

Upachara Unggun api itu telah di-adakan di-Rumah Pandu Puteri di-Jalan Bolkiah, Seria.

Mashuarat Agong Pengakap: Ahli J/K baru di-lantek

BANDAR SERI BEGAWAN.

— Penolong Pesurohjaya Pengakap Negeri Brunei Awang Shahbudin bin Saleh telah merasmikan pembukaan Mashuarat Agong Tahunan Persekutuan Pengakap Tempatan Daerah Brunei dan Muara pada petang hari Jumaat 19 Februari, 1971.

Mashuarat tersebut di-adakan di-Dewan Pusat Pertubuhan Pengakap Negeri Brunei di-Jalan Gadong dan telah di-hadiri oleh ramai Pemimpin2 Pengakap dan Pegawai2 Persekutuan itu.

Awang Shahbudin, dalam uchapan beliau, telah mengkaji kemajuan2 yang telah dicapai oleh Pertubuhan Pengakap pada tahun yang lalu.

Beliau juga telah mengucapkan terima kaseh kepada semua pehak yang telah bekerjasama untuk menjayakan penubuhan Pusat Pertubuhan Pengakap Negeri Brunei yang baru itu.

Awang Shahbudin menerangkan bahawa usaha2 sedang di-jalankan sekarang untuk mengadakan sambutan penubuhan Pengakap yang keempat puluh tahun di-negeri ini dalam tahun 1973.

Mashuarat tersebut di-pimpin oleh Pengerusi Persekutuan



Awang Hassan bin Haji Timbang Pesurohjaya Pengakap Daerah yang baru.

tuan Pengakap Tempatan Daerah Brunei dan Muara, Awang Haji Abdi Manaf bin Penyurat Haji Abu Bakar.

Naih Pengerusi : Pengiran Haji Abbas bin Pengiran Haji Besar.

Setia Usaha Kehormat : Awang N.M. Mathew. Penolong Setia Usa-

ha Kehormat : Awang Zain Ariff.

Bendahara Kehormat : Awang Za-

kariah bin Janeh.

hamed Jahfar yang telah meninggal dunia pada hari Jumaat yang lalu.

Sa-lain daripada melantek pegawai2 baru bagi Persekutuan Pengakap tersebut, majlis juga telah membinchangankan kertas2 kerja yang di-bentangkan oleh Pemimpin2 Pengakap di-Daerah Brunei dan Muara.

Ahli2 Jawatan Kuasa Tadbir baru Persekutuan Pengakap Tempatan Daerah Brunei dan Muara bagi tahun 1971/1972 yang telah di-lantek dalam Mashuarat Agong Tahunan tersebut ada-lah saperti berikut:

Yang Dipertua : Awang Haji Ta-lib bin Derwish. **Naib Yang Di-Pertua :** Awang Hussain bin Pehin Orang Kaya Di-Gadong Dato Utama Awang Haji Mohamed Yusof.

Pengerusi : Awang Haji Abdi Ma-naf bin Penyurat Haji Abu Bakar.

Naih Pengerusi : Pengiran Haji Abbas bin Pengiran Haji Besar.

Setia Usaha Kehormat : Awang N.M. Mathew. **Penolong Setia Usa-**

ha Kehormat : Awang Zain Ariff.

Bendahara Kehormat : Awang Za-

kariah bin Janeh.

Pesurohjaya Pengakap Daerah :

Awang Mohamed Hassan bin Haji Awang Timbang dan **Penolong Pe-**

surohjaya Pengakap Daerah —

Awang Salleh bin Haji Ibrahim.

Majlis itu juga telah melantek Pengiran Haji Mohamed bin Pengiran Haji Badar dan Awang Elias Jupp sa-bagai Pemeriksa Kira2 Kehormat.

Pameran urusan rumah tangga

BANDAR SERI BEGAWAN.

— Yang Di-Pertua Pertubuhan Perkumpulan Wanita Bandar Seri Begawan, Dayang Rogayah binte Abdul Rahman telah menguchapkan tahniah kepada ahli2 perkumpulan tersebut chawangan Pintu Malim dan Kota Batu atas kejayaan mereka menganjorkan pameran kelas urasan rumah tangga.

Dayang Rogayah juga telah mengucapkan terima kaseh kepada pendudok2 di-dua buah kampong itu atas kerja-

sama yang mereka berikan kepada ahli2 pertubuhan itu dalam masa beberapa tahun yang lalu.

Pameran tersebut telah di-adakan pada hari umat lepas di-Sekolah Melayu Pintu Malim sa-bagai meraikan Hari Raya Haji.

Awang Haji Abdul Aziz bin Juned, sa-orang pegawai dari Jabatan Hal Ehwal Ugama telah memberikan sharahan mengenai Hari Raya Haji.

Chegu Abdul Hamid bin Othman dari Bahagian Pelajaran, Jabatan Pelajaran telah menyampaikan hadiah2 kapada pemenang2 yang mengambil bahagian dalam pameran itu.

Mashuarat Agong Persatuan Kampong Pandai Besi

BANDAR SERI BEGAWAN.— Mashuarat Agong Persatuan Kampong Pandai Besi — PKPB — telah di-adakan baru2 ini di-rumah persatuan itu.

Mashuarat tersebut telah di-rasmikan oleh Awang Jaya bin Abdul Latif, Naib Yang Di-Pertua MBB.

Dalam uchapan-nya di-majlis tersebut antara lain Awang Jaya menyeru ahli2 persatuan itu supaya berbakti kapada persatuan mereka.

“Dengan berbuat demikian,” kata beliau, “penduduk2 di-kampong itu dengan sa-chara tidak langsung berbakti kapada negara”.

Awang Jaya juga menyeru ahli2 persatuan itu supaya menubohkan sharikat kerjasama demi untuk memperbaiki ekonomi ahli2 di-kampong itu.

Terdahulu dari itu, Yang Di-Pertua Persatuan Kampong Pandai Besi, Chegu Sulaiman bin Haji Abdul Wahab telah menyampaikan uchapan-nya.

Chegu Sulaiman telah menerangkan dengan lengkas-nya tentang kegiatan2 yang di-jalankan oleh persatuan itu sepanjang tahun 1970.

Beliau mensifatkan kejayaan yang di-chapai oleh persatuan itu dalam tahun lepas ada-lah sangat2 di-banggakan.

Ahli2 jawatankuasa yang telah di-lantek untuk mentadbir persatuan bagi tahun 1971/72 adalah seperti berikut:

Yang Di-Pertua — Awang Haji Abu Bakar bin Tengah; Naib Yang Di-Pertua—Awang Sulaiman bin Hj. Abdul Wahab; Setia Usaha Agong — Ak. Yusof bin Pg. Anak Hashim; Bendahari Agong — Awang Durahim bin Hassan; Naib Setia Usaha Agong — Chegu Mohd. Yassin bin Tengah; Setia Usaha Sosial dan Kebajikan — Chegu Mohd. Thani bin Haji Md. Daud; Setia Usaha Kesenian dan Kebudayaan — Awg. Abd. Ghani bin Haji Mohd. Daud; S/U Sukan dan Olah Raga — Chegu Tuah bin Haji Apong; S/U Pelajaran — Ak. Zinin bin Pg. Haji Ismail; dan S/U Penerangan — Awg. Osman bin Haji Zainal.

Sembilan orang ahli jawatankuasa pembantu juga telah di-lantek.



Jabatan Perikanan buat pertama kali-nya telah menangkap ikan2 dari salah sa-buah dari lahan belas buah kolam ikan di-kawasan Lembah Sungai Jambu dekat Jalan Gadong, Bandar Seri Begawan pada minggu lalu. (gambar atas)

Ikan2 dari dua buah kolam yang lain akan juga di-tangkap.

Kolam2 tersebut telah di-isi dengan ikan2 jenis tongsan, Lampam Jawa dan Tilapia enam bulan lalu.

Ikan2 dari tiga buah kolam itu akan di-lepaskan ka-dalam sa-buah kolam besar yang berukuran kira2 dua ekar yang baru di-buat di-ladang tersebut.

Pementasan derama

BANDAR SERI BEGAWAN.— Persatuan Asterawani akan mengadakan satu pementasan Derama di-Bandar Seri Begawan dalam bulan Mach tahun ini.

Derama yang akan di-pentaskan itu ia-lah salah satu daripada sekerip2 yang telah berjaya dalam peraduan menuulis sekerip derama yang di-anjorkan oleh Persatuan Asterawani bulan Ogos tahun lalu.

Peraduan Menulis sekerip derama itu terbahagi kepada dua bahagian ia-itu derama moden dan purba. Keputusan2 peraduan itu akan di-umumkan pada malam pementasan drama tersebut.

Wakil Daerah Belait ka-peraduan bahath perengkat akhir

KUALA BELAIT.— Pasukan Maktab Anthony Abell berjaya menewaskan pasukan Sekolah Menengah Melayu Ahmad Tajuddin dalam peraduan bahath perengkat akhir bagi Daerah Belait yang berlangsung malam Ahad lalu, di-Dewan Kemasharakatan di-Kuala Belait.

Peraduan bahath itu telah di-rasmikan oleh Pegawai Daerah Belait, Awang Haji Ali Khan bin Abdul Khan semenara hadiah2 di-sampaikan

oleh isteri beliau, Dayangku Hajjah Aisah.

Maktab Anthony Abell akan mewakili Daerah Belait ka-peraduan bahath perengkat seluruh negeri yang akan di-adakan di-Lagoon Mesjid Omar Ali Saifuddin, Bandar Seri Begawan pada 26 Februari ini.

Peraduan tersebut di-anjorkan oleh Jabatan Hal Ehwal Ugama Bahagian Penerangan kerana menyambut awal Mu-harram.

Jawatan2 Kosong

Sa-bagai Penyelanggara Setor Tingkat I

Permohonan2 ada-lah di-pe-lawa daripada Penyelanggara2 Setor yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan untuk memem-nahi jawatan yang tersebut di atas di-Jabatan Perubatan dan Kesihatan, Brunei.

Kelayakan2:

- Pemohon2 mesti-lah terdiri dari rayaat D.Y.M.M. Sultan.
- Hendak-lah sebaik2nya lu-lus Sijil Rendah Pelajaran (Inggeris) atau pun boleh bertutor dengan baik da-lam bahasa Inggeris.
- Hendak-lah mempunyai sekurang2nya lima tahun pengalaman dalam kerja2 setor Kerajaan dan boleh menyesuaikan diri untuk menyimpan bermacam2 jenis barang2 setor. Mungkin di-kehendaki menye-langgarakan barang2 setor ‘am atau perubatan atau kedua2nya.

Gaji:

Dalam sukatan gaji D. 4 — \$500x20-620. Gaji permulaan bergantung kapada kelayakan2 dan pengalaman.

Permohonan2 hendak-lah di-hantarkan melalui Ketua2 Jabatan masing2 siapa di-ke-hendaki menghantarkan laporan2 sulit mengenai pemohon2 bersama2 dengan satu Chatetan Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 yang mesti di-penohkan di atas borang2 yang boleh di-dapat daripada Pegawai Perjawatan, Bandar Seri Begawan, Brunei, hendak-lah di-kembalikan kapada Setia Usaha Kerajaan, Bandar Seri Begawan, Brunei tidak lewat daripada 6 Mach, 1971.

Seri Begawan, Brunei, hendak-lah di-kembalikan kapada Setia Usaha Kerajaan, Bandar Seri Begawan, Brunei tidak lewat daripada 4 Mach, 1971.

Sa-bagai Atendan Dewan

Permohonan2 ada-lah di-pe-lawa daripada chalun2 yang terdiri dari rayaat D.Y.M.M. Sultan untuk memem-nahi jawatan Atendan Dewan di-Jabatan Perikanan, Brunei.

Kelayakan2:

Chalun2 mesti-lah berumur di-antara 25 dan 40 tahun, mempunyai sekurang2nya Sijil Pelajaran Sekolah Rendah dan sa-banyak sedikit pengetahuan bahasa Inggeris.


Tugas2:

Membersehkan dewan2 orang ramai di-Akuarium Hasanah Bolkiah dan mengawas orang ramai. Chalun2 mesti-lah bersedia bekerja di-luar masa kerja yang biasa bagi pegawai2 Kerajaan.

Gaji:

Dalam sukatan gaji F1-2-3 EB 4-5 — \$160x5-220/EB/225x5-270.

Permohonan2 yang mesti di-penohkan di atas borang2 yang boleh di-dapat daripada Pegawai Perjawatan, Bandar Seri Begawan, Brunei, hendak-lah di-kembalikan kapada Setia Usaha Kerajaan, Bandar Seri Begawan, Brunei tidak lewat daripada 6 Mach, 1971.



Awang M. Consigliere yang telah menderma sa-banyak 16 kali.

Kapal ronda

(Dari Muka 1)

Raja, Colonel Dato Setia J.J. H. Simpson.

Kapal2 yang berukuran 62 kaki panjang itu boleh belayar sa-laju 27 knot dan di-lengkapkan dengan dua buah meriam jenis 20 milimeter tiap2 sa-buah.

Kapal2 ronda itu di-bina oleh Vosper Thoneycroft Uniters di-Singapura.

Upachara pelancharan kedua2 buah kapal itu telah dilakukan oleh Datin Simpson, isteri Pemerentah AMDB, Col. Dato Setia J.J.H. Simpson dalam bulan September tahun lepas.

Kapal ronda K.D. Saleha di-bawah perintah Kaptan Kifli bin Orang Kaya Setia Razali, sementara kapal ronda K.D. Masna di-bawah perintah Kaptan Ross Canning Ure, seorang Australia yang berkhidmat dengan Angkatan Laut Di-Raja British dan dipinjamkan kapada pasukan Askar Melayu Di-Raja Brunei.

Penuntut2 dalam keadaan baik

BANDAR SERI BEGAWAN. — Penuntut2 Brunei di-London telah mengirimkan uchap-selamat dan salam mereka kepada ibu-bapa2, saudara mara dan sahabat handai mereka di-Brunei, melalui Yang Berhormat Pehin Datu Derma Setia Dato Setia Awang P. A. Coates.

Pehin Dato Coates yang baru saja kembali dari London berkata, penuntut2 itu tidak dapat berutus surat ka-Brunei kerana mogok pos di-United Kingdom.

Mereka ingin, supaya semua ibu-bapa2 di-Brunei tahu, bahawa mereka ada-lah dalam keadaan sehat dan akan menulis surat sa-baik2 sahaja mogok pos itu tamat.

277 orang penderma darah terima pingat, lenchana

KUALA BELAIT. — Saramai 277 orang penderma darah di-Daerah Belait telah menerima pingat dan lenchana serta sijil dalam dua upachara yang berasingan yang telah di-adakan di-Dewan Kemasharakatuan Kuala Belait pada hari Sabtu yang lalu.

Satu upachara penyampaian di-adakan pada sa-belah pagi dan satu upachara lagi di-adakan pada pukul 2.00 petang iaitu bagi pekerja2 Sharikat Minyak Shell.

Yang Berhormat Pehin Bendahari Kornia Di-Raja Awang Hong Kok Tin sedang menyampaikan pingat emas kepada Awang Mohd. Apong bin Mohammad. Awang Mohd. Apong telah menderma darah sa-banyak 15 kali. Sementara gambar bawah menunjukkan sa-bagian daripada penerima2 pingat dan lenchana pada hari Sabtu lepas. Duduk di-barisan depan dekat dengan kamera ia-lah penerima2 pingat emas, (dari kanan) Awang Maafur bin Mangalan, Awang Mohd. Apong, M. Consigliere, Cpl. 373 Awang Habib bin Shahrin, Awang Karim bin Haji Othman, Awang Johnny Heng dan Awang Teo Seng Kow.



Yang Berhormat Pehin Bendahari Kornia Di-Raja Awang Hong Kok Tin sedang menyampaikan pingat emas kepada Awang Mohd. Apong bin Mohammad. Awang Mohd. Apong telah menderma darah sa-banyak 15 kali. Sementara gambar bawah menunjukkan sa-bagian daripada penerima2 pingat dan lenchana pada hari Sabtu lepas. Duduk di-barisan depan dekat dengan kamera ia-lah penerima2 pingat emas, (dari kanan) Awang Maafur bin Mangalan, Awang Mohd. Apong, M. Consigliere, Cpl. 373 Awang Habib bin Shahrin, Awang Karim bin Haji Othman, Awang Johnny Heng dan Awang Teo Seng Kow.



Ahli2 Majlis Mashuarat Negeri yang baru

(Dari Muka 1)

Yang Amat Mulia Pengiran Setia Negara Pengiran Haji Mohd. Yusuf bin Pengiran Haji Abdul Rahim, Menteri Besar; Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Di-Raja Dato Utama Awang Isa bin Pengiran Datu Perdana Menteri Dato Seri Utama Awang Haji Ibrahim, Timbalan Menteri Besar; Yang Amat Mulia Pengiran Dipa Negara, Pengiran Momin bin Pengiran Haji Ismail, Setia Usaha Kerajaan; Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Kanun Di-Raja Dato Utama Awang Idris Talog Davies, Peguam Negara; Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Khazanah Negara Laila Di-Raja Dato Utama Awang

John Lee, Pegawai Kewangan Negara dan Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Ratna di-Raja Dato Utama Awang Haji Mohd. Zain bin Haji Serudin, Penasihat Ugama.

Ahli rasmi kerajaan: Y.A.M. Pengiran Setia Raja Pengiran Jaya bin Pengiran Haji Rajid, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Amar Di-Raja Dato Utama Haji Mohd. Jamil bin Begawan Pengiran Haji Awang Umar, Awang Haji Abdul Aziz bin Begawan Pengiran Haji Awang Khatib Dato Haji Awang Umar, Yang Mulia Orang Kaya Pekerma Indera Awang Jilli bin Ibrahim dan Yang Di-Muliakan Pengiran Orang Kaya Laila Wangsa Awang Md. Salleh bin Haji Masri.

Sa-puloh orang ahli Majlis Mashuarat Negeri yang dilantek ada-lah saperti berikut:

Y.A.M. Pengiran Shahbandar Sahibol Bandar Pengiran Haji Mohammad bin Pengiran Piut, Yang Mulia Pengiran Haji Abu Bakar bin Pengiran Mohd. Salleh, Yang Mulia Dato Setia Awang Mohd. Taib bin Awang Besar, Yang Di-Muliakan Pehin Bendahari Kornia Di-Raja Awang Hong Kok Tin, Yang Di-Muliakan Pehin Orang Kaya Setia Awang Haji Ali bin Ismail, Yang Mulia Awang Haji Sapawi bin Metassim, Yang Mulia Awang Ariff bin Mujun, Yang Mulia Orang Kaya Lukman bin Uking, Yang Mulia Awang Haji Abu Hanafiah bin Mohd. Said dan Yang Mulia Haji Abu Bakar bin Baha.